

ISU

BANJIR kilat di ibu negara membawa banyak kerugian harga benda. — Gambar hiasan



BANJIR kilat menyebabkan kesesakan luar biasa di ibu negara.



Polemik banjir kilat di ibu negara



MOHD. ZAIN



KU HALIM

PADA awal Mei lalu, hujan lebat selama beberapa jam di ibu negara menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan.

Antaranya, Jalan Vista, Jalan Semantan dan Jalan Lembah Pantai berhampiran pintu masuk utama Universiti Malaya.

Pembangunan di kawasan urban hakikatnya sukar dielakkan memandangkan permintaan tinggi terhadap hartanah dan aktiviti ekonomi yang sedang meningkat naik.

Begitupun, kealpaan menilai dan merancang dengan teliti boleh membawa musibah.

Ketua Pusat Penyelidikan Alam Sekitar Universiti Teknologi Mara, Prof. Dr. Ku Halim Ku Hamid berkata, dalam kejadian tersebut, sistem saliran longkang jalan tidak efisien dan pembetung yang kecil dikenal pasti sebagai punca utama menyebabkan air tersekat.

"Tinjauan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) semasa kejadian juga mendapati paras air di Sungai Klang masih boleh menampung kapasiti air hujan.

"Perkara ini menunjukkan ada yang tidak kena dengan saliran sedia ada kerana aliran air hujan tidak sampai ke sungai tersebut.

"Situasi ini jelas menunjukkan berlakunya masalah dengan sistem saliran longkang jalan dan perparitan kerana tidak diuruskan dengan efisien," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurutnya, sistem perparitan sedia ada tidak cukup besar dan perlu diperbaiki selaras dengan pembangunan serta pelan induk perancangan guna tanah semasa," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), Datuk Mohd. Zain Hassan dalam tinjauannya ke beberapa kawasan yang kerap berlaku banjir kilat menemui kabel elektrik yang dipasang secara haram.

"Pihak kami menemui kabel elektrik di dalam longkang berdekatan premis perniagaan sekitar Jalan Changkat dan Bukit Bintang. Ia antara punca utama banjir kilat di ibu kota.

"Kewujudan kabel itu menyebabkan sampah tersangkut, sekali gus pengaliran air di dalam longkang menjadi tidak lancar. Kami juga khuatir sekiranya kabel tersebut sudah lama dan bercampur pula dengan air; pekerja kami berisiko untuk terkena renjatan," katanya.

Kesal

Selain itu, ujaranya, jadual pembersihan longkang iaitu sebulan sekali juga menyumbang kepada kewujudan sampah yang banyak sehingga ia sukar berfungsi ketika hujan lebat.

Menurutnya lagi, pihaknya turut sukar melaksanakan kerja pembersihan kerana keadaan ruang di dalam longkang yang sempit.

Mohd. Zain berkata, isu kabel yang menutup longkang sebenarnya merupakan isu lama dan ia masih berlaku walaupun pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang terbabit.

Beliau juga kesal dengan anggapan sesetengah pihak yang menuduh Alam Flora menjadi punca kejadian banjir kilat berlaku sedangkan pihaknya hanya menjalankan



LONGKANG sempit dan sampah sarap antara punca banjir kilat. — Gambar hiasan

Jalan Imbi, Jalan Pudu dan Jalan Kia Peng.

Katanya, sebanyak 20 tan komposisi sisa termasuk minyak, tanah dan pasir di dalam longkang sekitar Kuala Lumpur disedut setiap hari menggunakan mesin penyedut air.

Berikutan banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di ibu negara baru-baru ini, pihaknya bersama DBKL telah mengerahkan dua pasukan khas sebagai persediaan menghadapi banjir kilat.

Kosmo! pada 14 Mei yang lalu, melaporkan banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di Kuala Lumpur ekoran hujan lebat selama beberapa jam menyebabkan kira-kira 115 kenderaan tenggelam.

Kejadian itu juga menyebabkan kesesakan luar biasa di beberapa jalan utama dan terpaksa ditutup sementara bagi mengelakkan daripada dilalui oleh kenderaan.



MOHD. ZAIN (kiri) menunjukkan sampah sarap yang dikeluarkan dari longkang dalam tinjauannya di beberapa kawasan di ibu kota baru-baru ini.